ZAINI NYAK OTHMAN *a*

lwn.

PP

HIGH COURT MALAYA, KUALA LUMPUR *b*
NIK HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42A-1-1999]
28 OGOS 1999

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 165 - Penjawat awam - Menerima barang berharga tanpa balasan - Elemen yang perlu dibuktikan - Elemen balasan - Samada balasan semestinya datang dari perayu - Kanun Keseksaan s. 165 - Akta Pencegahan Rasuah 1997, s. 42(3)* *c*

PROSEDUR JENAYAH: *Perbicaraan - Saksi pendakwa - Samada merupakan rakan sejenayah - Tugas hakim bicara - Samada penemuan fakta rakan sejenayah perlu dibuat sebelum pembelaan dipanggil - Kanun Keseksaan s. 165* *d*

Perayu adalah seorang penjawat awam dan bertugas di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ('Kementerian'). Pada penghujung 1993, perayu menguruskan dua jamuan makan yang dianjurkan oleh *e* Kementerian, dan berikutnya melantik Shah Caterers sebagai pembekal makanan. Perayu telah berunding dengan Shah Caterers, dan atas permintaan perayu Shah Caterers telah menaikkan harga makanan yang disediakan. Kenaikan harga itu adalah untuk membolehkan perayu menuntut perbezaan harga berkenaan, guna untuk dibayar kepada pekerja-pekerja perayu sebagai *f* bayaran kerja lebih masa. Berikutnya, setelah memperoleh bayaran mereka, Shah Caterers (melalui SP4 dan SP6) telah menyerahkan perbezaan harga di atas, iaitu dua keping cek tunai berharga RM3,500 setiap satu kepada perayu. Kedua-dua cek tersebut telah ditunaikan oleh perayu.

Perayu dikatakan telah menerima barang-barang berharga dari Shah Caterers *g* tanpa apa-apa balasan, dan dituduh melakukan kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Yang arif hakim bicara, setelah mendengar keterangan pendakwa dan pembela, mendapati tuduhan telah dibuktikan melepasi keraguan munasabah, dan dengan itu mensabit perayu dan menjatuhkan hukuman enam bulan penjara ke atasnya. Perayu merayu dan *h* persoalan penting yang timbul ialah: (i) samada pendakwa telah membuktikan bahawa dua cek berkenaan diberi kepada perayu tanpa balasan; dan (ii) samada hakim bicara telah tersalah arah kerana gagal menimbang bahawa SP4 dan SP6 adalah rakan sejenayah.

i

Diputuskan:

[1] Bagi kesalahan di bawah s. 165 Kanun, pendakwa mesti membuktikan empat elemen, *ie*, bahawa: (i) tertuduh adalah seorang penjawat awam; (ii) tertuduh telah menerima suatu barang berharga; (iii) tertuduh menerima barang tersebut tanpa balasan; dan (iv) tertuduh mengetahui bahawa pemberi barang tersebut mempunyai hubungan dengan tugas resmi tertuduh.

[1a] Elemen-elemen (i), (ii) dan (iv) di atas telah dibuktikan dengan jelas kerana fakta menunjukkan bahawa perayu adalah seorang penjawat awam, kedua-dua cek berkenaan merupakan cek tunai dan berharga dan perayu juga mengetahui bahawa SP4 dan SP6 mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu. Masaalah bagimanapun timbul dengan keperluan elemen (iii), iaitu samada tertuduh menerima cek-cek tersebut tanpa balasan.

[2] Tidak ada keterangan dikemukakan oleh pendakwa bahawa tidak ada tuntutan kerja lebih masa telah dibuat oleh pekerja-pekerja Kementerian berhubung dengan dua jamuan tersebut. Pernyataan SP7 bahawa "bayaran kerja lebih masa tidak boleh diambil dari pihak ketiga" tidaklah bermakna bahawa kerja lebih masa telah tidak dilaksanakan dan tuntutan bayaran kerja lebih masa tidak dibuat dalam kes ini.

[2a] Selagi tidak ada keterangan yang mengesahkan bahawa tidak ada kerja lebih masa telah dilaksanakan dan tuntutan kerja lebih masa telah tidak dibuat, pihak pendakwa tidak boleh menyatakan bahawa cek-cek di sini telah diterima oleh perayu tanpa balasan. Kemungkinan kerja lebih masa dan tuntutan kerja lebih masa dibuat tidak boleh dikesampingkan.

[3] Bagi maksud s. 165 Kanun balasan tidak semestinya datang dari perayu. Ini kerana seksyen tersebut tidak menetapkan bahawa balasan semestinya datang dari penjawat awam itu sendiri. Dengan yang demikian, saranan pendakwa bahawa bayaran untuk kerja lebih masa adalah bukan balasan kerana ia datang dari pihak ketiga, adalah tidak tepat.

[4] Tanpa bukti nyata bahawa tidak ada kerja lebih masa dan tuntutan kerja lebih masa telah dibuat, maka bayaran perbezaan RM7,000 melalui dua cek kepada perayu seperti diminta oleh perayu untuk bayaran kerja lebih masa oleh pekerja-pekerja bagi mengelolakan jamuan tersebut adalah merupakan **balasan** di bawah s. 165 Kanun. Pendakwa gagal membuktikan elemen ke (iii) kesalahan s. 165 melepasi keraguan yang munasabah, iaitu bahawa cek-cek tersebut telah diterima perayu tanpa balasan.

[5] Hakim bicara langsung tidak menimbang dan memutuskan samada SP4 dan SP6 adalah rakan sejenayah sebelum beliau menerima keterangan mereka, walaupun isu tersebut telah dibangkitkan dihadapannya. Kegagalan ini adalah padah yang menyebabkan ketidakadilan yang tidak boleh disembuh.

[Sabitan dan hukuman diketepikan; perayu dibebas dan dilepaskan.]

Kes yang dirujuk:
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 ***(dirujuk)***
Jegathesan v. PP [1980] 1 MLJ 165 ***(dirujuk)***
Osman Khan v. PP [1948] 14 MLJ 56 ***(dirujuk)***
PP v. Hj Kazi Habibur Rahman (Criminal Appeal No 16 of 1992 ***(diikuti)***
Sia Soon Suan v. PP [1966] 1 MLJ 116 ***(dirujuk)***
Syed Abu Bakar Ahmad v. PP [1984] 1 CLJ 80 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti Corruption Act 1997, s. 42(3)
Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1997, s. 4
Penal Code, s. 165

Penal Code [Brunei], s. 165

Perundangan yang dirujuk:
Mallal's Digest, 1996, 4th edn, para 671, ms 262
Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes, 1997, 24th edn, para 1, ms 686

Bagi pihak perayu - Mohamad Fozi Mohd Zain; T/n Fozi Zain & Partners
Bagi pihak pendakwa raya - Julia Ibrahim TPR

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Prakata

Perayu, berumur 44 tahun, bertugas sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah disabitkan oleh Makamah Sesyen, Kuala Lumpur pada 14 Januari 1999 atas kesalahan di bawah s. 165 Kanun Keseksaan (s. 165) kerana beliau dalam bulan Februari 1994 telah menerima dua keping cek tunai berharga RM3,500 setiap satu tanpa balasan daripada pegawai jualan Shah Caterers Sdn. Bhd., Nasarudin (SP4), yang mana perayu ada hubungan dengan urusan rasminya dan bagi kesalahan itu, perayu telah dihukum penjara selama enam bulan.

Kes Pendakwaan

Secara ringkas, kes pendakwaan adalah seperti berikut:

Pada hujung tahun 1993, perayu telah diberi tugas untuk menguruskan jamuan makan bagi dua majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Bagi melaksanakan jamuan tersebut perayu telah melantik Shah Caterers untuk membekalkan makanan. Shah Caterers telah menawarkan harga makanan RM28 setiap orang bagi kedua-dua jamuan tersebut tetapi perayu telah meminta harga tersebut dinaikkan kepada RM40 bagi orang biasa dan VIP RM42 bagi jamuan pertama (P2), dan bagi jamuan kedua (P3), daripada RM28 kepada RM40 dan bagi nasi bungkus daripada RM4.50 kepada RM5. Perayu telah meminta perbezaan harga tersebut diberikan kepadanya untuk bayar kerja lebih masa pekerja-pekerja beliau yang kena kerja lebih masa bagi mengelolakan kedua-dua jamuan itu. Jamuan tersebut telah sempurna diadakan dan akhirnya bayaran telah dibuat.

Setelah Shah Caterers mendapat bayaran, perayu telah datang dan telah diberi dua keping cek tunai bernilai RM3,500 setiap satu (P4A dan P4B) oleh Shah Caterers. Cek-cek tersebut adalah dan akaun bank Shah Caterers yang ditandatangani oleh Dato' Shaharuddin (SP6). Kedua-dua cek ini telah diserahkan kepada perayu oleh SP4. Perayu kemudiannya telah menunaikan cek-cek tersebut.

Pada akhir kes pendakwaan hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa perayu telah menerima barang-barang yang berharga dari Shah Caterers iaitu dua keping cek tanpa apa-apa balasan, dan seterusnya memanggil perayu membela diri. Perayu telah memilih memberi keterangan secara bersumpah.

Kes Pembelaan

Dalam keterangannya, perayu telah mengaku menerima dan menunaikan kedua-dua cek yang jumlahnya RM7,000. Beliau mendakwa SP4 ada meminjam wang sebanyak RM10,000 dari beliau dan kedua-dua cek tersebut merupakan bayaran balik sebahagian daripada hutang tersebut oleh SP4. Untuk menyokongnya, perayu memanggil saudaranya, Siti Esah (SB2) untuk memberi keterangan. SB2 telah menyatakan bahawa pada tahun 1994, beliau ada memberi pinjam wang tunai sebanyak RM10,000 kepada perayu. SB2 telah keluarkan wang sebanyak RM10,750 dari pelaburan ASNnya dalam tahun 1992 dan telah menyimpannya di rumah untuk tunggu peluang sekiranya ada orang hendak menjual tanah.

Keputusan Mahkamah Sesyen

Dalam alasan penghakimannya di ms 72 perenggan 2 rekod, hakim Mahkamah Sesyen berkata:

> Saya mendapati pembelaan tertuduh (Perayu) ini pembelaan yang diadakan dan tidak boleh diterima serta tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwa. Saya dapati SP4 tidak berhutang dengan tertuduh (Perayu) dan pembayaran dua keping cek tersebut bukanlah merupakan pembayaran semula hutang SP4.
>
> Dari keterangan adalah jelas cek tersebut adalah dari akaun Shah Caterers. Semasa SP6 memberi keterangannya tertuduh (Perayu) tidak pernah mencadangkan bahawa cek tersebut dipinjamkan kepada SP4 untuk membayar hutang. Dari keterangan yang jelas cek tersebut dimaksudkan kepada tertuduh (Perayu) berdasarkan permintaan tertuduh (Perayu). SP4 sendiri menafikan beliau ada berhutang dengan tertuduh (Perayu) dan kedua-dua cek tersebut bukan untuk pembayaran hutang beliau kepada tertuduh (Perayu). Semasa SP6 disoal balas juga perkara hutang yang ditimbulkan ialah hutang dari tertuduh (Perayu) kepada SP6 dan perkara ini telah dinafikan oleh SP6.
>
> Tertuduh (Perayu) telah juga memanggil saksi Siti Aishah bte Razali (SB2) untuk menyokong keterangan beliau bahawa beliau telah meminjamkan wang kepada SP4. Saya dapati keterangan SB2 ini sukar dipercayai. Adalah tidak munasabah seseorang yang mengeluarkan wang yang begitu banyak dari pelaburan yang menguntungkan untuk disimpan begitu sahaja di dalam bentuk tunai yang mempunyai risiko keselamatan yang tinggi. Saya mendapati secara keseluruhan keterangan SB2 tidak membantu pembelaan tertuduh (Perayu) dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwa.
>
> Oleh kerana tertuduh (Perayu) gagal untuk menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwa, saya dapati tertuduh (Perayu) bersalah di atas pertuduhan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan dan mensabitkan beliau di atas kesalahan tersebut. Berikutan sabitan tersebut saya telah menjatuhkan 6 bulan penjara ke atas tertuduh (Perayu) setelah menimbangkan berbagai faktor.

Hujah Perayu

Encik Mohamad Fozi bin Mohd Zain, peguambela bagi perayu, antara lain telah berhujah atas dua alasan utama iaitu:

(i) Pihak pendakwa telah gagal membuktikan bahawa dua cek itu diberi tanpa balasan. Menurut beliau, kedua-dua cek tersebut diberi dengan balasan atas permohonan perayu supaya cek-cek tersebut, yang merupakan perbezaan harga, diberi kepadanya untuk perayu membayar pekerja-pekerja yang telah bekerja lebih masa bagi mengelolakan kedua-dua jamuan.

(ii) Tuan hakim telah tersilap arah dari segi undang-undang apabila tidak memberi tumpuan bahawa SP4 dan SP6 adalah rakan sejenayah. Oleh yang demikian, kesilapan itu menyebabkan ketidakadilan.

Hujah Responden

Dalam jawapannya, Timbalan Pendakwa Raya, Puan Julia Ibrahim, berhujah bahawa tidak ada balasan dari perayu kepada SP4 dan SP6 bagi penerimaan cek-cek tersebut. Bayaran untuk lebih masa adalah bukan balasan dari perayu tetapi balasan dari pihak ketiga. Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Kebudayaan, SP7 telah menyatakan: "Bayaran kerja lebih masa tidak boleh diambil dari pihak ketiga" (yakni Shah Caterers dalam kes ini) dan keterangan ini sekaligus menyangkal dakwaan perayu bahawa jumlah yang dituntut adalah untuk bayaran kerja lebih masa.

Bagi alasan kedua, Timbalan Pendakwa Raya telah menyatakan bahawa berpandu kepada keterangan, SP4 dan SP6 adalah bukan rakan sejenayah. Lagipun, hakim bicara telah menerima keseluruhan keterangan SP4 dan SP6 tanpa mempersoalkan kredibilitinya dan oleh itu, hakim bicara tidak perlu membuat penemuan fakta sama ada mereka rakan sejenayah. Dengan itu, beliau pohon supaya rayuan ditolak.

Keputusan

Bagi kesalahan di bawah s. 165, pihak pendakwa mesti membuktikan:

(i) Tertuduh ialah seorang penjawat awam.

(ii) Tertuduh pada masa yang dinyatakan telah menerima suatu barang yang berharga.

(iii) Tertuduh menerima barang yang berharga itu tanpa balasan.

(iv) Tertuduh mengetahui bahawa pemberi barang tersebut mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh.

Di bawah s. 165, pihak pendakwa, tidak perlu membuktikan adanya elemen rasuah (sila lihat *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes*, 24th edn 1997, ms 686 para. 1). Keempat-empat elemen dalam seksyen itu hendaklah dibuktikan dan oleh kerana kes ini telah berlaku pada tahun 1994, sebelum 31 Januari 1997, maka beban pembuktian ke atas pihak pendakwa di akhir kes pendakwaan ialah bukti yang melepasi keraguan yang munasabah. Dengan lain perkataan, sebelum tertuduh boleh dipanggil membela diri pihak pendakwa hendaklah membuktikan keempat-empat elemen tersebut terhadap tertuduh atas keterangan hingga ke peringkat melampaui keraguan yang munasabah (sila lihat *Arulpragasan a/l Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 MLJ 1; s. 4 Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1997).

Persoalan sekarang ialah sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesemua elemen di atas terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah. Pada fikiran saya, elemen (i), (ii) dan (iv) tidak timbul sebarang masalah kerana keterangan yang ada jelas menunjukkan bahawa perayu ialah seorang penjawat awam, melalui keterangan buku rekod perkhidmatannya (P1); dua cek (P4A & P4B) merupakan cek tunai yang sempurna dan berharga dan perayu mengetahui bahawa pemberi P4A & P4B iaitu SP4 dan SP6 dari Shah Caterers Sdn. Bhd., mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu. Keterangan adanya hubungan rasmi ini adalah disokong oleh keterangan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, SP2 yang mengesahkan bahawa perayu telah dilantik bagi menguruskan jamuan bagi kedua majlis itu (ms 15 para 20). Pengarah Kebudayaan, SP3 pula telah mengarahkan SP4 berurusan terus dengan perayu mengenai jamuan tersebut (ms 19 para 8).

Dalam alasan penghakimannya, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa perayu telah menerima barang-barang yang berharga dari Shah Caterers iaitu dua keping cek tanpa apa-apa balasan seperti pertuduhan.

Selepas mendengar hujah-hujah dari kedua belah pihak dan meneliti keterangan saksi-saksi dalam rekod, saya dapati keterangan yang ada tidak membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa cek-cek yang telah diberi kepada perayu tidak diberi tanpa balasan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwa untuk membuktikan pertuduhan hingga ke tahap melepasi keraguan yang munasabah bahawa cek-cek itu telah diberi kepada perayu tanpa balasan. Bukan menjadi kewajipan perayu untuk melengkapkan kes pendakwaan. Perayu tidak dikehendaki membuktikan dia tidak bersalah. Apa yang perlu dibuat oleh perayu untuk dibebaskan daripada pertuduhan ialah mewujudkan keraguan yang munasabah atas kebenaran kes pendakwaan atau ketidakbersalahan perayu. Mungkin kerana pertuduhan di bawah s. 165 sukar untuk dibuktikan, maka itulah sebabnya anggapan di bawah s. 42(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah digubal dan dijadikan suatu peruntukan di bawah Akta tersebut. Seksyen itu memperuntukkan bahawa tertuduh dianggap telah berbuat dengan mengetahui hal keadaan yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan. Walau apapun, Akta itu hanya berkuatkuasa mulai 8 Januari 1998 *vide* Warta P.U(B)12 bertarikh 8 Januari 1998 sedangkan kesalahan itu berlaku sebelumnya, iaitu, pada tahun 1994. Oleh itu, anggapan dalam peruntukan tersebut tidak terpakai kepada perayu dalam kes ini.

Dalam kes ini, adalah tuduhan pihak pendakwa bahawa cek-cek tersebut telah diberi kepada perayu kerana SP4 dan SP6 telah bersetuju bahawa perbezaan harga yang dituntut oleh perayu merupakan bayaran kerja lebih masa bagi pekerja-pekerja perayu. Keterangan ini tidak disangkal oleh mana-mana saksi

pendakwa. Tidak ada seorang pun antara mereka yang menyatakan dengan jelas dan tepat bahawa tidak ada tuntutan kerja lebih masa telah dibuat oleh pekerja-pekerja kepada Kementerian berhubung dengan dua jamuan tersebut. SP7 dalam keterangannya hanya menyatakan bahawa 'bayaran kerja lebih masa tidak boleh diambil dari pihak ketiga.' Pernyataan ini ialah suatu pernyataan umum yang melarang bayaran kerja lebih masa dibayar oleh pihak ketiga selain daripada Kementerian. Pernyataan ini tidak bermakna kerja lebih masa telah tidak dilaksanakan dan tuntutan bayaran kerja lebih masa tidak dibuat dalam kes ini. Selagi tidak ada keterangan yang mengesahkan bahawa tidak ada kerja lebih masa telah dilaksanakan dan tuntutan kerja lebih masa telah tidak dibuat dalam kes ini, pihak pendakwa tidak boleh menyatakan cek-cek tersebut telah diterima oleh perayu tanpa balasan. Kemungkinan kerja lebih masa dan tuntutan kerja lebih masa telah dibuat dalam kes ini tidak boleh dikesampingkan.

Pada hemat saya, bagi maksud s. 165, balasan tidak semestinya datang dari perayu. Dalam hal ini, saya tidak dapat bersetuju dengan Timbalan Pendakwa Raya yang menyatakan bayaran untuk kerja lebih masa adalah bukan balasan kerana ia datang dari pihak ketiga. Seksyen 165 tidak menetapkan balasan semestinya datang dari penjawat awam itu sendiri. Balasan boleh diberi oleh sesiapa juapun. Dalam kes ini, tanpa bukti nyata dari mana-mana saksi pendakwa mengesahkan bahawa tidak ada kerja lebih masa dan tuntutan kerja lebih masa telah dibuat, maka bayaran perbezaan RM7,000 melalui dua cek kepada perayu seperti diminta oleh perayu untuk bayaran kerja lebih masa oleh pekerja-pekerja bagi mengelolakan jamuan tersebut, dalam penghakiman saya, adalah balasan di bawah s. 165. Dalam hal ini, pihak saya bersetuju dengan pendapat Roberts CJ, Brunei dalam *Public Prosecutor v. Haji Kazi Habibur Rahman*, Criminal Appeal No. 16 of 1992, 26 January 1993, *Mallal's Digest*, 4th edn (1996) para. 671, ms 262, di mana beliau menjelaskan maksud s. 165 Penal Code (Brunei), yang mana sama *pari materia*nya dengan s. 165 kita, dengan berkata:

> (4) s. 165 of the Code forbids the acceptance of any valuable thing without consideration ... There is nothing in the section which requires the consideration to be provided by the public servant himself, so long as consideration is rendered by someone.

Harus diingat SP4 dan SP6 telah bersetuju membuat bayaran itu atas dasar bahawa mereka telah percaya tujuan kenaikan harga yang dipohon oleh perayu itu.

Justeru itu, saya dapati terdapat lompang material dalam kes pendakwaan. Ini bermakna pihak pendakwa telah gagal membuktikan elemen ke (iii) kesalahan tersebut melepasi keraguan yang munasabah, iaitu, cek-cek tersebut telah diterima oleh perayu tanpa balasan. Elemen (iii) itu adalah penting kerana ia merupakan salah satu elemen kesalahan di bawah s. 165. Pembuktian dalam kes jenayah adalah ketat dan oleh itu, tidak boleh wujud apa-apa lompang material dalam kes pendakwaan. Mahkamah Persekutuan dalam *Sia Soon Suan v. PP* [1966] 1 MLJ 116 telah memutuskan:

> Held (3). The requirement of strict proof in a criminal case cannot be relaxed to bridge any material gap in the prosecution evidence.

Walau bagaimanapun dalam kes ini, perayu telah dipanggil membela diri. Oleh sebab itu, hakim bicara telah silap di sisi undang-undang apabila beliau telah memanggil perayu membela diri. Atas alasan ini sahaja, adalah cukup bagi rayuan ini dibenarkan.

Namun begitu, oleh kerana isu rakan sejenayah telah dibangkitkan, maka saya rasa isu tersebut perlu juga diberi pertimbangan oleh mahkamah dalam rayuan ini.

Bukti yang ada jelas menunjukkan SP4 dan SP6 adalah rakan sejenayah. SP4 dan SP6 telah bersetuju dengan cadangan perayu untuk memberi cek-cek walaupun mereka tahu bahawa harga kenaikan RM28 kepada RM40 adalah tidak munasabah (ms 25 para 2). Lagipun, jumlah perbezaan jika dikira, ialah sebanyak RM9,100 dan bukan RM7,000. Sepatutnya perayu dibayar semua amaunnya. Dengan bayaran RM7,000 sahaja kepada perayu, maka SP4 dan SP6 sudah tentu telah menyimpan bakinya dan ini menunjukkan tingkahlaku yang curang terhadap mereka dan dengan itu, bersubahat dengan perayu.

Adalah menjadi prinsip undang-undang yang sudah mantap bahawa jika seseorang itu adalah rakan sejenayah, maka hakim bicara hendaklah menyatakan dengan jelas dalam alasan penghakimannya sama ada beliau telah menasihatkan dirinya akan bahayanya bertindak atas keterangan rakan sejenayah. Sabitan atas keterangan rakan sejenayah tanpa keterangan sokongan adalah tidak selamat dan sabitan semestinya diketepikan. Russell J dalam *Osman Khan v. PP* [1948] 14 MLJ 56 telah memutuskan:

> Held (2), that the complainant or other witness in a case is clearly an accomplice a judge or magistrate must state in his ground of judgment that he has warned himself of this fact ...

Manakala Chang Min Tat J (beliau ketika itu) dalam *Jegathesan v. PP* [1980] 1 MLJ 165 telah memutuskan:

Held, as the learned President had failed to consider whether the witness was an accomplice and as he had not advised himself of the dangers of convicting on the uncorroborated evidence of accomplices, the conviction was unsafe and must be quashed.

Di dalam kes kita, hakim bicara tidak langsung menimbang dan memutuskan sama ada SP4 dan SP6 rakan sejenayah sebelum beliau menerima keterangan mereka, walaupun isu tersebut telah dibangkitkan oleh peguambela dan pendakwa dalam hujah-hujah mereka di hadapan hakim di akhir kes pendakwaan. Jadi, kegagalan ini adalah padah yang menyebabkan ketidakadilan yang tidak boleh disembuh. (sila lihat *Syed Abu Bakar bin Ahmad v. PP* [1984] 1 CLJ 80; [1984] 2 MLJ 19).

Penutup

Atas alasan-alasan sedemikian, saya benarkan rayuan ini dan dengan itu, sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh hakim Mahkamah Sesyen diketepikan. Perayu dibebas dan dilepaskan.

This page is intentionally left blank

a

b

This page is intentionally left blank

c

d

e

f

g

h

i